

PERSEPSI PENERIMAAN PELAJAR PASCASISWAZAH UTM TERHADAP
PENDEKATAN HEUTAGOGI DALAM PEMBELAJARAN

NORSHAKEERAH BINTI ABEDU RASHID

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganuerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2021

DEDIKASI

Laporan tesis ini saya dedikasikan khas kepada ahli keluarga tersayang iaitu ibu saya, Nirat binti Abd Rahman, kakak saya, Nora Suhaileen binti Abedu Rashid serta ibu saudara saya, Rodziah binti Abd Rahman. Berkat doa serta galakan daripada mereka, saya berjaya mengharungi onak dan duri dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan sekerja saya di Sekolah Kebangsaan Seri Kota Puteri yang sentiasa memudahkan urusan saya sepanjang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana ini memandangkan dalam masa yang sama saya turut menjalankan tugas sebagai seorang guru di sekolah tersebut. Akhir sekali, dedikasi ini ditujukan kepada Fazlin binti Kamsan. Beliau merupakan teman yang sentiasa positif dalam apa jua perkara. Beliau banyak berkongsi idea dan pandangan dalam membantu saya menghasilkan laporan kajian yang baik.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, dengan izinNya saya dapat menyiapkan kajian ini mengikut masa dan kehendak Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Terlalu banyak ilmu baru yang saya peroleh sepanjang melanjutkan pelajaran diperingkat Sarjana lebih-lebih lagi dalam proses menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia kajian saya iaitu Dr. Nihra Haruzuan bin Mohamad Said atas bimbingan dan pandangan beliau dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih diucapkan atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan dalam membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Ilmu dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang pengkaji baik. Penghargaan ini juga diberikan kepada semua pensyarah di Sekolah Pendidikan UTM atas ilmu yang diberikan sepanjang saya menuntut ilmu di sini. Pengalaman yang dikongsi membantu saya untuk berfikir secara matang dalam setiap perkara.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada keluarga saya yang berada di Perlis. Terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan, doa dan peringatan yang amat saya perlukan. Tanpa dorongan serta sokongan moral mereka mustahil untuk saya dapat menamatkan pelajaran saya dengan baik. Penghargaan ini juga diberikan kepada rakan saya iaitu Nur Syakirah binti Hasan Basri, Nur Afiqah binti Mat Lin serta Nur Zatil Hanan binti Md Salleh. Terima kasih diucapkan kerana sentiasa ada ketika jatuh dan bangun sepanjang saya mengikuti program Sarjana di UTM.

Tidak dilupakan juga, kepada rakan-rakan di Sekolah Pendidikan Teknologi Pendidikan atas perkongsian ilmu dan idea yang bernas sepanjang menjadi pelajar di sini. Terima kasih atas tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan kepada saya sehingga saya berjaya menamatkan pelajaran dalam masa yang ditetapkan.

Akhir madah, terima kasih tidak terhingga diberikan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Semoga tesis ini dapat memberikan manfaat kepada generasi akan datang.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi penerimaan pelajar pascasiswazah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran. Pendekatan Heutagogi merupakan pendekatan yang menggalakkan pelajar memperoleh ilmu dengan sendiri. Terdapat tiga objektif kajian ini. Objektif pertama ialah untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar UTM terhadap elemen-elemen dalam pendekatan Heutagogi. Objektif kedua ialah pengkaji ingin mengenalpasti hubungan antara sikap pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran. Manakala objektif ketiga kajian ini ialah untuk mengenal pasti hubungan antara kemudahan TMK pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran. Rekabentuk kajian ini ialah kuantitatif dengan menggunakan kajian tinjauan sebagai kaedah kajian. Seramai 90 orang pelajar terdiri daripada pelajar Sarjana Teknologi Pendidikan dipilih sebagai responden kajian menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Seterusnya, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dalam memperoleh data. Dapatan kajian yang diperoleh dianalisis secara kuantitatif menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 2.5. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah deskriptif dan kolerasi Pearson semasa menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden terhadap elemen pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran berada pada skala sangat kuat bagi elemen meneroka, mencipta, kolaborasi, perkongsian dan refleksi. Manakala tahap pengetahuan responden bagi elemen berhubung berada pada tahap kuat. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran. Pengkaji juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran. Kesimpulannya, pengkaji dapati bahawa pelajar menerima baik pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran mereka berdasarkan sikap yang ditonjolkan dan kemudahan TMK yang pelajar ada.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the perceptions of postgraduate students of Universiti Teknologi Malaysia (UTM) on Heutagogy approach in learning. The Heutagogy approach is an approach that encourages students to acquire knowledge on their own. Students not only receive knowledge from their teacher, but they explore the knowledge themselves. There are three objectives of this study which are first, to find out the knowledge of UTM students on the elements in the Heutagogy approach. The second objective is to identify the relationship between the attitudes of UTM students towards UTM students' acceptance on Heutagogical approach in learning. While the third objective of this study is to identify the relationship between the ICT facilities of UTM students towards UTM students' acceptance on Heutagogical approach in learning. The research design is quantitative. The researcher used survey research as a research method . 90 students of Master of Educational Technology students were selected as respondents. The researcher used simple random sampling techniques for this study. Next, the researcher used a questionnaire as a research instrument in obtaining data. The data were analyzed quantitatively using 'Statistical Package for Social Science (SPSS) version 2.5 software. In this study, the researcher used descriptive and Pearson correlation methods when analyzing the data. The finding showed that the respondents' knowledge on the elements of Heutagogical approach was at a very strong scale for the elements of exploration, creation, collaboration, sharing and reflection. While respondents' knowledge for connecting elements was at a strong level. In addition, the finding showed that there was a significant relationship between the attitudes of UTM students and UTM students' acceptance on Heutagogical approach in learning. Researcher also found that there was a significant relationship between UTM student's facilities and UTM students' acceptance on Heutagogical approach in learning. As a conclusion, the researcher found that the students accepted the Heutagogical approach in their learning based on the attitudes portray by the students and ICT facilities that they have.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Kerangka Konsep	11
	1.8 Rasional Kajian	13
	1.9 Kepentingan Kajian	13
	1.9.1 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	13
	1.9.2 Institusi Pengajian Tinggi	14
	1.9.3 Pelajar	14
	1.10 Batasan Kajian	14
	1.11 Definisi Istilah Kajian	15
	1.11.1 Persepsi	15
	1.11.2 Penerimaan	15

1.11.3 Sikap	16
1.12 Penutup	16
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	17
2.1 Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran	17
2.2 Blended Learning dalam Pendidikan Tinggi	19
2.3 Pendekatan Heutagogi dalam Pembelajaran	20
2.4 Teori Sosial Konstruktivisme dalam Pendekatan Heutagogi	22
2.5 Meta Analisis Kajian	24
2.6 Penutup	26
BAB 3 METODOLOGI	27
3.1 Pengenalan	27
3.2 Rekabentuk Kajian	27
3.3 Prosedur Kajian	29
3.3.1 Langkah 1: Pengubahsuaian dan Pembinaan Instrumen Kajian	30
3.3.2 Langkah 2: Permohonan Kebenaran	30
3.3.3 Langkah 3: Penyebaran Instrumen Kajian kepada Responden	31
3.3.4 Langkah 4: Analisis Data	31
3.4 Populasi Dan Sampel Kajian	32
3.5 Instrumen Kajian	33
3.5.1 Soal Selidik	34
3.6 Kajian Rintis	36
3.7 Prosedur Pengumpulan Data Kajian	40
3.8 Kajian Analisis Data	40
3.9 Penutup	42
BAB 4 DATA ANALISIS	43
4.1 Pengenalan	43
4.2 Maklumat Demografi Responden	44
4.3 Analisis Dapatan Kajian	45

4.4	Mengenalpasti Min Bagi Tahap Pengetahuan Pelajar UTM Terhadap Elemen Yang Terdapat Dalam Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran.	46
4.5	Mengenalpasti Nilai Min Bagi Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran.	50
4.6	Mengenalpasti Nilai Min Bagi Sikap Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran.	52
4.7	Mengenalpasti Nilai Min Bagi Kemudahan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	54
4.8	Hubungan Antara Sikap Pelajar UTM Dengan Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	56
4.8.1	Ujian Korelasi Pearson	56
4.9	Hubungan Antara Kemudahan Tmk Pelajar UTM Dengan Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran.	58
4.9.1	Ujian Korelasi Pearson	58
4.10	Rumusan Analisis Data	60
4.11	Penutup	61
BAB 5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	63
5.1	Pengenalan	63
5.2	Ringkasan Kajian	64
5.3	Maklumat Responden	65
5.4	Tahap Pengetahuan Pelajar UTM Terhadap Elemen Yang Terdapat Dalam Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	66
5.5	Hubungan Antara Sikap Pelajar UTM Dengan Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran.	68
5.6	Hubungan Antara Kemudahan Tmk Pelajar UTM Dengan Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran.	70
5.7	Rumusan Dapatan Kajian	71
5.8	Limitasi Kajian	72
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	73

5.10 Penutup

74

LAMPIRAN

80

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Meta Analisis Kajian	24
Jadual 3.1	Bahagian dan bilangan Item dalam Soal Selidik	35
Jadual 3.2	Tafsiran Skala Likert	36
Jadual 3.3	Intepretasi Nilai Skor Alpha Cronbach	39
Jadual 3.4	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik	39
Jadual 3.5	Skala Kekuatan Min	40
Jadual 3.6	Kekuatan Nilai Kolerasi Pearson	41
Jadual 3.7	Rumusan Kaedah Analisis Data	41
Jadual 4.1	Maklumat Demografi Responden	44
Jadual 4.2	Nilai Min Tahap Pengetahuan Pelajar UTM Terhadap Elemen Yang Terdapat Dalam Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	46
Jadual 4.3	Nilai Frekuensi (f) dan Peratus (%) Tahap Pengetahuan Pelajar UTM Terhadap Elemen Yang Terdapat Dalam Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	48
Jadual 4.4	Nilai Min Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	51
Jadual 4.5	Nilai Min Sikap Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	53
Jadual 4.6	Nilai Min Kemudahan TMK Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	56
Jadual 4.7	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Antara Sikap Pelajar UTM Dengan Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	57
Jadual 4.8	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Antara Kemudahan TMK Pelajar UTM Dengan Persepsi Penerimaan Pelajar UTM Terhadap Pendekatan Heutagogi Dalam Pembelajaran	59
Jadual 4.9	Rumusan Dapatan Kajian berdasarkan Persoalan Kajian	60

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Prinsip Utama Pendekatan Heutagogi	5
Rajah 1.2	Kerangka Konsep Persepsi Penerimaan Pelajar Terhadap Pendekatan Heutagogi dalam Pembelajaran	12
Rajah 3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	29
Rajah 3.2	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	33
Rajah 3.3	Perubahan Item Soal Selidik Pada Bahagian B	37
Rajah 3.4	Perubahan Item Soal Selidik Pada Bahagian D	38

SENARAI SINGKATAN

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
PAK 21	-	Pembelajaran Abad Ke 21
PPPM		Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TMK	-	Teknologi Maklumat Komunikasi
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	80
Lampiran B	Borang Pengesahan Pakar	87
Lampiran C	Statistik Total-Item Soal Selidik	88

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang menitikberatkan tentang pendidikan. Pendidikan di Malaysia kini dikatakan semakin utuh umpama duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh QS World University Ranking bagi tahun 2020, sebanyak 20 universiti tempatan berjaya disenaraikan sebagai universiti terbaik dunia. Dengan itu ramai pelajar sama ada dalam atau luar negara mengambil peluang untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia.

Bagi mengukuhkan lagi sistem pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan memberi penekanan terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke- 21 (PAK 21) (Ali & Rusdin, 2019). Proses pembelajaran PAK 21 adalah berpusatkan pelajar yang mana pembelajaran dijalankan secara kolaboratif serta kontekstual. PAK 21 turut memperkenalkan kemahiran penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek serta menggalakkan pelajar untuk memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai medium carian maklumat (Abdullah, 2019).

Oleh yang demikian, konsep blended learning telah diguna pakai secara menyeluruh dalam sistem pendidikan di Malaysia. Berdasarkan penulisan Shahaimi et

al. (2016) dengan merujuk kepada Husin et al. (2013), *Blended Learning* adalah satu konsep pembelajaran yang mencampurkan gaya pembelajaran konvensional dengan pembelajaran secara maya melalui teknologi maklumat dan komunikasi. Dalam erti kata yang lain, melalui pembelajaran *Blended Learning* ini pelajar akan melalui pembelajaran secara bersemuka (*face to face*) serta pembelajaran secara atas talian. . Di sini, pembelajaran secara *Blended Learning* berlaku di mana pelajar mendapat input dan input di kuliah seterusnya menggunakan medium teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) khususnya internet untuk melengkapkan tugas mereka.

Selaras dengan matlamat PAK 21 iaitu pembelajaran adalah berpusatkan pelajar, pendekatan Heutagogi adalah digalakkan dalam pembelajaran *Blended Learning*. Pendekatan Heutagogi atau juga dikenali sebagai pembelajaran penentuan sendiri merupakan pendekatan holistik yang membentuk kompetensi pelajar untuk menjadi ejen utama dalam pembelajaran mereka (Blaschke, 2012). Maksud yang lebih mudah untuk difahami adalah heutagogi ini adalah satu pendekatan dimana ia mengajar seseorang tentang bagaimana memperoleh ilmu dengan sendiri. Jika dapat dilihat, kebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia telah mengamalkan pendekatan ini sejak dahulu lagi. Pelajar tidak lagi hanya menerima ilmu daripada tenaga pengajar, tetapi mereka sendiri berusaha mendalami sesuatu ilmu dengan sendirinya. Oleh yang demikian, pendekatan yang diterapkan melalui kaedah pembelajaran ini dapat meningkatkan lagi keupayaan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis.

1.2 Latar Belakang Masalah

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) mampu meningkatkan produktiviti Malaysia di peringkat global. Penggunaan teknologi pada masa kini memberi peluang kepada pelajar khasnya untuk mengakses maklumat dengan lebih mudah dan pantas walau dimana mereka berada. Oleh yang demikian, motivasi dan minat pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran semakin meningkat

dan membolehkan mereka bersedia untuk berkongsi pengetahuan dengan orang sekeliling mereka (Mohd & Zurinah, 2017).

Penggunaan TMK dalam pembelajaran turut meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pelajar. KBAT diaplikasi apabila pelajar berupaya menganalisis, menilai serta menyelesaikan masalah dan membuat perancangan. Pembelajaran secara tutorial, penerokaan aplikasi dan komunikasi merupakan contoh penggunaan TMK dalam pembelajaran yang membantu pelajar berkomunikasi hingga ke peringkat global (Ruhaiza, 2016). Menurut mantan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin, untuk memastikan pencapaian akademik pelajar lebih dinamik dan menyeluruh, kemahiran KBAT pelajar menjadi tunjang utama dalam transformasi pendidikan di Malaysia pada hari ini (Raja, 2018).

Malaysia juga menyambut baik perubahan Revolusi Industri 4.0 iaitu penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan *big data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud. Penemuan ini sedikit sebanyak boleh mengubah masa hadapan pelajar. Oleh yang demikian, Malaysia telah merangka elemen cabaran industri 4.0 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025.

Penggunaan TMK di era ini penting dalam membentuk pelajar untuk belajar secara sendiri. Menurut Melinda, Faaizah dan Naim (2016) terdapat tiga peranan utama internet dalam revolusi industri 4.0 iaitu, penggunaan internet, pemikiran kreatif dan interaksi sosial. Kini, pelajar akan menjadikan internet sebagai sumber utama dalam proses pembelajaran. Seterusnya, dengan menggunakan internet, ia membantu pelajar untuk berfikir secara kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Manakala penggunaan internet dalam interaksi sosial merujuk kepada kemahiran pelajar dalam mengaplikasi kerja kumpulan dan kolaborasi apabila mereka berada di alam pekerjaan.


Penggunaan TMK secara meluas turut menggalakkan pelajar belajar menggunakan pelbagai kaedah. Dewasa ini, pembelajaran secara tradisional tidak lagi digemari para pelajar. Mereka menyedari bahawa pembelajaran secara *blended learning* lebih fleksibel. Hasil kajian oleh Nor, Suzei dan Zarina (2017) menunjukkan bahawa 83.1% pelajar bersetuju untuk menggunakan kaedah *Blended Learning* sebagai kaedah utama pembelajaran mereka. Hal ini adalah kerana pelajar tidak terbeban dengan masa dan tempat pembelajaran. Kini, pelajar dapat menjalankan pembelajaran secara bersemuka dengan menggunakan pembelajaran secara atas talian (*online learning*). Mereka dapat memilih masa pembelajaran dan ianya dapat dijalankan dimana –mana sahaja pada bila-bila masa.

Pembelajaran secara atas talian juga dapat menjimatkan perbelanjaan pelajar. Mereka tidak perlu mengeluarkan kos untuk berulang alik ke kampus pembelajaran. Secara tidak langsung pembelajaran secara *blended learning* menunjukkan bahawa pelajar tidak semestinya boleh mengakses pengetahuan di kampus semata-mata, malah proses pembelajaran masih boleh diteruskan walau mereka berada di rumah mahupun terlantar sakit di hospital. Hal ini seiring dengan lonjakan kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 iaitu menjadikan *blended learning* sebagai pendekatan pedagogi utama di semua IPT di Malaysia. Bagi merealisasikan impian ini, kerajaan telah menubuhkan platform pembelajaran diperingkat kebangsaan menerusi kandungan MOOC (*massive open online courses*).

Dalam memperkasakan lagi transformasi pendidikan di Malaysia, penerapan pendekatan Heutagogi dalam pendidikan dikatakan sangat sesuai lebih-lebih lagi diaplikasikan dalam pembelajaran secara *blended learning*. Heutagogi merupakan idea asal yang diperkenalkan oleh ilmuwan barat. Hase dan Kenyon (2000) menyatakan bahawa perkataan ‘Heutagogi’ berasal dari perkataan Greek yang bermaksud ‘diri’ (Blackse, 2012). Mereka telah merumuskan bahawa Heutagogi membawa maksud pembelajaran penentuan sendiri. Dengan perubahan pendidikan yang dialami negara, pendekatan Heutagogi membantu memberi kebebasan kepada pelajar untuk menentukan sendiri proses pembelajaran mereka. Guru tidak sesekali menentukan proses pembelajaran mereka. Oleh yang demikian proses pembelajaran berlaku

dengan cara apa yang pelajar hendak belajar bukan dengan cara apa yang akan diajar (Hase, 2011). Namun demikian, guru dan pelajar masih lagi berinteraksi untuk memastikan sumber yang diperoleh relevan dengan kandungan pelajaran. Dalam pendekatan Heutagogi ini, pelajar merupakan agen aktif manakala guru hanya bertindak sebagai fasilitator.

Menurut Hase dan Kenyon (2000), Heutagogi adalah lanjutan kepada pendekatan pedagogi dan andragogi. Pendekatan ini diperkenalkan berdasarkan teori sedia ada seperti konstruktivisme, humanisme, kemampuan, konektivisme, sistem pemikiran, *complexity* dan ilmu pembelajaran neorosains (Blaschke, 2012; Blaschke & Hase, 2015; Hase & Kenyon, 2007; Hase, 2014, 2016). Berdasarkan McAuliffe et al (2011), terdapat tujuh prinsip utama dalam pendekatan Heutagogi (Akyildiz, 2019).



Rajah 1.1: Prinsip Utama Pendekatan Heutagogi (McAuliffe et al,2011; Akyildiz, 2019)

Disebabkan pendekatan Heutagogi menggalakkan pelajar untuk memilih cara belajar sendiri, cabaran ditemui apabila menjalankan pendekatan ini. Kebanyakan tenaga pengajar dan pelajar kurang didedahkan dengan cara aplikasi dengan betul walaupun pendekatan ini telah wujud berdekad lalu, Oleh yang demikian, pelajar menjadi keliru dengan penemuan mereka sama ada benar atau sebaliknya. Kajian yang

dijalankan oleh Glassner dan Back (2019) mendapati bahawa kebanyakan pelajar belajar hanya untuk mendapat gred atau markah. Oleh itu, mereka lebih cenderung mengharapkan kehendak pensyarah dalam menyiapkan tugas. Kajian tersebut turut mendapati bahawa masih ramai pelajar tidak tahu mencari bahan pelajaran tanpa dibimbing oleh pensyarah mereka. Hal ini menyukarkan lagi proses pembelajaran penentuan sendiri ini.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak kelebihan yang diperoleh setelah mengaplikasi pendekatan Heutagogi. Antaranya adalah motivasi dan penglibatan pelajar dalam mendalami sesuatu ilmu meningkat. Hal ini adalah kerana, mereka dapat meneroka sendiri kandungan pembelajaran dengan gaya yang mereka kehendakkan. Pelajar merasakan bahawa pembelajaran mereka menjadi lebih bermakna apabila mereka terlibat secara aktif lebih-lebih lagi apabila diberi kepercayaan terhadap pembelajaran mereka (Glassner & Back, 2019). Semakin banyak perkara yang diteroka, semakin banyak perkara yang dapat mereka ketahui.

Di samping itu, dengan adanya teknologi canggih pada masa kini, pembelajaran berpusatkan pelajar ini membolehkan mereka lebih bersedia untuk mengharungi alam pekerjaan pada masa akan datang. Hal ini adalah kerana, pendekatan ini menggalakkan pelajar untuk lebih berdikari dalam mendalami setiap keperluan pelajaran. Lebih-lebih lagi, norma kehidupan dan persekitaran yang kompleks pada abad ini memerlukan pelajar untuk menjadi lebih kritikal dan berfikir diluar kotak pemikiran mereka. Hal ini dibuktikan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Canning dan Callan (2010) yang mana, pelajar menunjukkan kompetensi yang memberangsangkan ketika menjana idea melalui penglibatan aktif dalam penyelidikan sendiri dan perbincangan kumpulan.

Glassner dan Back (2019) mencadangkan supaya kesesuaian pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran abad ke 21 dibincangkan dengan lebih mendalam. Oleh yang demikian, kajian terhadap persepsi penerimaan pelajar terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran dijalankan. Fokus penerimaan dilihat melalui sikap

dan kemudahan TMK yang diterima oleh pelajar. Pengetahuan pelajar mengenai elemen dalam pendekatan Heutagogi turut dikenalpasti.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan arus pendidikan di Malaysia telah menyebabkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam mahupun swasta merancang pelbagai strategi pembelajaran yang berkesan. Hal ini adalah untuk mengelakkan pelajar mereka tercicir dalam pelajaran seterusnya menarik minat para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Menurut Juhazren dan Madihah (2010), penerapan TMK dalam pembelajaran turut menyumbang kepada perubahan dan penambahbaikan gaya pembelajaran di IPT.

Kajian-kajian lepas banyak memberi fokus tentang penerimaan pelajar terhadap gaya pembelajaran secara *Blended Learning*. Dapatan kajian mendapati pelajar bersetuju bahawa pembelajaran secara *blended learning* memberi banyak manfaat kepada pembelajaran mereka. Namun demikian, disebabkan kurangnya kemudahan infrastruktur menyebabkan gaya pembelajaran ini tidak dapat direalisasikan dengan baik (Faizatul & Nor, 2016).

Pembelajaran berpusatkan pelajar yang diperkenalkan oleh PAK 21 secara tidak langsung mendedahkan pelajar IPT kepada pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran mereka. Menurut Hase dan Kenyon (2003) dalam penulisannya menyatakan bahawa pelajar mempunyai hak untuk menentukan cara pembelajaran mereka lebih –lebih lagi di peringkat pengajian tinggi (Analisa, Wong, Nor & Siti, 2019). Hal ini adalah kerana pembelajaran pada masa kini adalah jauh berbeza dengan pembelajaran lepas di mana ia memerlukan pelajar mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dan mengaitkan dengan pengalaman sebenar mereka. Kenyataan ini dikukuhkan lagi berdasarkan kenyataan Blaschke dan Hase (2015) iaitu peluang

pekerjaan hari ini memerlukan pekerja yang produktif dan boleh menyumbangkan idea yang bernas bagi meningkatkan produktiviti dan hasil yang bermutu tinggi. Jika pelajar IPT khususnya tidak merembut peluang ini, mereka mungkin akan jauh ketinggalan ke belakang.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Analisa et.al, (2019), terdapat beberapa isu dan cabaran yang diketengahkan oleh mereka berkaitan pendekatan heutagogi. Kurangnya motivasi pelajar menyebabkan mereka tidak bersemangat untuk menerima pelajaran. Hal ini adalah kerana perubahan corak pembelajaran yang berlaku daripada pembelajaran sepenuhnya tradisional kepada pembelajaran penentuan sendiri. Pelajar mengalami kejutan disebabkan peralihan cara pembelajaran mereka. Jika sebelum ini, mereka dibimbing oleh seseorang yang pakar dalam bidang yang mereka ceburi. Tapi, melalui pendekatan ini menyebabkan pelajar perlu menentukan sendiri sama ada input yang diterima sah atau tidak.

Barnett (2007) turut mengkritik pendekatan ini berdasarkan penulisan oleh Harsall, Powell dan Snowdden (2016) iaitu pelajar berpotensi untuk menghasilkan kurikulum mereka sendiri yang mana menjurus kepada pemahaman konsep yang berbeza daripada konsep asal. Oleh yang demikian, pelajar mungkin akan mengalami masalah untuk mengembangkan idea dan kemahiran yang baru terhadap bidang yang mereka terokai. Kesan daripada masalah ini boleh menyebabkan pembelajaran yang berlaku tidak efektif dan tidak meninggalkan sebarang impak positif kepada pelajar.

Namun demikian, kajian terhadap penerimaan pendekatan Heutagogi masih tidak dijalankan secara meluas. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat mengupas sedikit sebanyak persepsi penerimaan pelajar terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran melalui sikap dan kemudahan TMK yang diterima oleh pelajar. Disamping itu, pengetahuan pelajar mengenai elemen dalam pendekatan Heutagogi juga dapat dikenalpasti.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dikemukakan, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah seperti berikut;

- (a) Mengetahui tahap pengetahuan pelajar UTM terhadap elemen yang terdapat dalam pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran.
- (b) Mengetahui hubungan antara sikap pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran.
- (c) Mengetahui hubungan antara kemudahan TMK pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran.

1.5 Persoalan Kajian

Setelah mengenalpasti objektif kajian ini, pengkaji menyenaraikan persoalan kajian ini seperti berikut;

- (a) Adakah tahap pengetahuan pelajar UTM terhadap elemen yang terdapat dalam pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran?
- (b) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran?

- (c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan TMK pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran?

1.6 Hipotesis Kajian

Persoalan Kajian 2: 'Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran?'

Berdasarkan persoalan kajian 2 di atas, hipotesis kajian ini dinyatakan seperti berikut;

- (a) H_0 = Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran.
- (b) H_1 = Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran.

Persoalan Kajian 3: 'Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan TMK pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran?'

Berdasarkan persoalan kajian 3 di atas, hipotesis kajian ini dinyatakan seperti berikut;

- (a) H_0 = Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan TMK pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran.
- (b) H_1 = Terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan TMK pelajar UTM dengan persepsi penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran.


1.7 Kerangka Konsep

Dalam kajian ini, pengkaji menghubungkan Teori Sosial Konstruktivisme dan elemen dalam pendekatan Heutagogi untuk mengetahui penerimaan pelajar terhadap Pendekatan Heutagogi. Teori Sosial Konstruktivisme merupakan pembelajaran berpusatkan pelajar. Pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran mereka. Berdasarkan teori ini, pelajar akan membina pengetahuan mereka berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada mereka. Dalam teori sosial konstruktivisme ini, elemen *scaffolding* diperkenalkan.

Menurut Narayan (2014), *scaffolding* merujuk kepada bimbingan yang diberikan kepada pelajar supaya mereka berada di landasan yang tepat sepanjang proses pembelajaran berlaku. Roehler dan Cantlon (1996) menyatakan dalam kajiannya bahawa terdapat beberapa jenis *scaffolding* yang diterapkan dalam proses pembelajaran. Jenis yang pertama ialah memberi penerangan kepada pelajar supaya pelajar faham apa yang dikehendakkan oleh kandungan pelajaran. Jenis *scaffolding* kedua ialah mengajak pelajar melibatkan diri dalam proses pembelajaran seperti menggalakkan proses berfikir untuk menyelesaikan situasi atau tugas. Seterusnya, jenis yang ketiga adalah menyemak kefahaman pelajar. Pengesahan ini dapat dibuat dengan menggalakkan pelajar membuat keputusan setelah menjana idea. Jenis

scaffolding seterusnya ialah membimbing pelajar menyelesaikan tugas dengan memberikan klu.

Dengan merujuk kepada jenis-jenis *scaffolding* dalam teori sosial konstruktivisme, pengkaji memilih enam elemen yang terdapat dalam pendekatan Heutagogi untuk melihat penerimaan pelajar UTM terhadap pendekatan ini berdasarkan sikap pelajar dan kemudahan TMK pelajar dalam pembelajaran mereka. Elemen tersebut merujuk kepada meneroka, mencipta, kolaborasi, berhubung, refleksi dan perkongsian.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep Persepsi Penerimaan Pelajar Terhadap Pendekatan Heutagogi dalam Pembelajaran.

1.8 Rasional Kajian

Mantan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh mengingatkan setiap institusi pengajian tinggi supaya melakukan perubahan pendidikan sejajar dengan peredaran semasa. Pendedahan terhadap pendekatan Heutagogi masih lagi ditahap kurang memberangsangkan sama ada di peringkat institusi mahupun pelajar itu sendiri. Lantaran itu, dapatan daripada kajian terhadap persepsi penerimaan pelajar terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran mereka dapat membantu pihak institusi amnya untuk merangka inisiatif untuk menggalakkan lagi pelajar mengaplikasi secara menyeluruh.

1.9 Kepentingan Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 dirangka bagi menyediakan pendidikan negara selari dengan arus pemodenan teknologi dunia. Sistem pembelajaran yang interaktif dan fleksibel mampu merangsang minat pelajar untuk mendalami ilmu pengetahuan. Justeru, modal insan yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah selaras dengan Falsafah pendidikan Negara dapat dibentuk. Oleh yang demikian, dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan manfaat kepada:

1.9.1 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Kajian ini diharap dapat memberi idea baru kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha meingkatkan lagi corak pembelajaran abad ke 21. Cabaran yang dinyatakan dapat dijadikan panduan untuk memperkasakan sistem pendidikan negara. Manakala kelebihan yang ditemui melalui kajian lepas boleh dijadikan galakan dan rujukan kepada pendidikan negara.

1.9.2 Institusi Pengajian Tinggi

Kajian ini turut dijadikan rujukan dan panduan bagi semua IPT di Malaysia supaya kaedah pembelajaran yang tepat dapat dijalankan selari dengan kehendak kementerian. Dengan mengaplikasi teknologi digital dalam pembelajaran dapat meningkatkan prestasi kecemerlangan IPT itu sendiri. Melalui kajian ini juga, IPT dapat mengenalpasti halangan yang dihadapi pelajar. Oleh itu, langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan supaya pelajar dapat adaptasi pendekatan pembelajaran ini.

1.9.3 Pelajar

Transformasi pendidikan masa kini memerlukan pelajar melengkapkan diri dengan pengetahuan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat membantu pelajar mengenalpasti manfaat dan keperluan TMK dalam sistem pendidikan negara. Pelajar turut mengetahui kebaikan mengaplikasi pendekatan Heutagogi berdasarkan kajian-kajian lepas. Selain itu, pelajar juga dapat mengetahui penerimaan terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, hal ini dapat membantu pelajar merancang corak dan gaya pembelajaran mereka selari dengan kehendak sistem pendidikan negara.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dilaksanakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kampus Johor Bahru. Pengkaji menetapkan sampel dalam kajian ini sebanyak 90 orang pelajar pascasiswazah Sarjana Teknologi Pendidikan UTM. Kajian ini memberi fokus kepada persepsi penerimaan pelajar terhadap pendekatan Heutagogi dalam pembelajaran dari segi sikap dan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) mereka. Pemboleh ubah seperti jantina, umur dan bangsa tidak diambil kira dalam kajian ini. Kajian ini hanyalah gambaran kesahan

situasi sampel kajian semata-mata. Oleh yang demikian, ianya tidak sesuai untuk dijadikan generalisasi populasi keseluruhan.

1.11 Definisi Istilah Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan definisi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.11.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, persepsi bermaksud pandangan atau tanggapan seseorang terhadap sesuatu isu. Berdasarkan kajian ini, persepsi membawa maksud pandangan oleh pelajar UTM terhadap penerimaan Penerimaan Pelajar Terhadap Pendekatan Heutagogi dalam Pembelajaran.

1.11.2 Penerimaan

Penerimaan berdasarkan kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud sambutan atau penilaian individu terhadap sesuatu perkara. Merujuk kepada kajian ini, penerimaan adalah anggapan terhadap Pendekatan Heutagogi dalam Pembelajaran.

1.11.3 Sikap

Saktirun (2016) mendefinisikan sikap sebagai kelakuan yang berkaitan dengan pengalaman individu yang mendorong mereka bertindak mengikut perasaan dan pengalaman. Berdasarkan kajian ini, sikap merujuk kepada sejauh mana pelajar bertindak terhadap elemen yang terdapat dalam konsep kajian ini

1.12 Penutup

Kemajuan Revolusi Industri 4.0 menyebabkan pendidikan secara tradisional sudah kurang relevan untuk dipraktikkan. Pembelajaran berpusatkan pelajar dengan menggunakan pendekatan Heutagogi mempunyai banyak manfaat terutama di era globalisasi ini. Walau bagaimanapun, pengaplikasian kaedah ini memberi banyak cabaran terutama bagi pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini sedikit sebanyak membantu semua pihak untuk membuat perancangan yang terperinci supaya kaedah pembelajaran ini dapat dilaksanakan dengan jayanya terutama di IPT. Pihak kementerian juga perlu menyediakan kemudahan teknologi yang terbaik dan praktikal supaya sistem pendidikan negara menjadi lebih efektif.

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Ghani, M. T., Wan Daud, W. A. A., & Jaffar, M. N. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab Di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84-94. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/109>
- Abd. Hadi Harun. (2014). Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Secara Atas Talian Ke Atas Sikap, Pengetahuan Dan Tingkahlaku Pelajar Terhadap Tenaga Diperbaharui. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Akyildiz, S.T. (2019). Do 21st Century Teachers Know about Heutagogy or Do They Still Adhere to Traditional Pedagogy and Andragogy?. *International Journal of Progressive Education*, 15(6), 151-169. doi: 10.29329/ijpe.2019.215.10
- Akkoyunlu, B., & Soylu, M. Y. (2008). A Study of Student's Perceptions In A Blended Learning Environment Based On Different Learning Styles. *Journal of Educational Technology & Society*, 11(1). 183-193.
- Aris, N. S., & Halim, F. H. A. (2016). Persepsi Pengguna Terhadap Pembelian Secara Atas Talian. *Journal on Technical and Vocational Education*, 1(2). Retrieved from <http://upikpolimas.edu.my/ojs/index.php/JTVE/article/view/67>
- Ariffin, A., Hasnan, N., Zakaria, N., Rubani, S. N. K., & Hamzah, N. (2020). Pembangunan Bahan e-Pembelajaran Berasaskan Model Needham Lima Fasa bagi Topik Konkrit. *Online Journal for TVET Practitioners*, 5(2):63-70.
- Arkarful, V., & Abaidoo, N. (2015). The Role of E-Learning, Advantages and Disadvantages of Its Adoption In Higher Education. *International Journal of Instructional Technology and Distance Learning*, 12(1), 29-42.
- Barret, H. (2004). Learning And Assessing Through Reflection. Retrieved from <https://sites.google.com/site/reflection4learning/why-reflect>
- Bhalla, J. (2013). Computer Use by School Teachers in Teaching-learning Process. *Journal of Education and Training Studies*, 1 (2), 174-185.

- Blaschke, L.M. (2012). Heutagogy and Lifelong Learning: A Review Of Heutagogical Practice And Self-Determined Learning. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 13(1): 56-71.
- Bond, Trevor G, & Fox, Christine M. (2007). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*.
- Din, R. (2017). *Asas pendidikan dan kejuruteraan ICT: Integrasi teori, media, teknologi dan reka bentuk pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fadzil, N. A., Ahmad Zahidi, M. D., Norbit, A. N. & Jaafar, N. (2020). Hubungan Di Antara Persepsi Dengan Sikap Dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari Dalam Pembelajaran Bahasa Arab, 5(1):48-63.
- Halsall, J.P., Powell, J. L., & Snowden, M. (2016) Determined learning approach: Implications of heutagogy society based learning, *Cogent Social Sciences*, 2:1, DOI: 10.1080/23311886.2016.1223904
- Halili, S.H., Sugumaran, R. (2019). Faktor Mempengaruhi Penggunaan Video Youtube Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Dalam Kesusasteraan Tamil. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 7(1): 39-45.
- Hassan, G., Hussin, F., Kasiran, M. K. & Hidthiir, M. H. (2015). *Laporan Kajian; Keperluan Teknologi Maklumat Golongan Belia Masyarakat Orang Asli, Kajian Pos Sinderut, Kuala Lipis, Pahang*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/341278088_Laporan_Kajian_Keperluan_Teknologi_Maklumat_Golongan_Belia_Masyarakat_Orang_Aсли_Kajian_Pos_Sinderut_Kuala_Lipis_Pahang
- Hefzallah, I. M. (2004). *The new educational technologies and learning: Empowering teachers to teach and students to learn in the information age (2nd ed.)*. Springfield, IL: Charles C Thomas Publisher Ltd.
- Hong, K.-S., & Songan, P. (2011). ICT in the Changing Landscape Of Higher Education In Southeast Asia. *Australasian Journal of Educational Technology*, 27(8). <https://doi.org/10.14742/ajet.893>
- Huazhong Normal University. *Kertas kerja International Conference on e-Education, Entertainment and e-Management (ICEE 2011)*. Anjuran IEEE Indonesia Section dan JIBES School of Computer, Bali, Indonesia.

- Hushin, H. & Mahmud, N. (2010). Tinjauan Kategori Masalah Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim.
- Hussin, Z., Siraj, S., Darusalam, G. & Mohd. Salleh, N. H. (2013). Kajian Model Blended Learning Dalam Jurnal Terpilih: Satu Analisa Kandungan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 1(2), 20–31.
- Jemson, D. J., Sharif, S. & Bikar Singh, S. S. (2019) “Penerimaan Penggunaan Mobile Learning di kalangan Pelajar Tingkatan 6 dalam Mata Pelajaran Geografi”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), pp. 101 - 107. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i6.282>.
- Juhazren Junaidi & Madihah Jailani (2010). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Empat, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamrozzaman, N. A., Badusah, J. & Wan Mohammad, W. M. R. (2019). Pendekatan Heutagogi: Keberkesanan M-Pembelajaran untuk Pendidikan Sepanjang Hayat. 11(3): 52-61.
- Khalid, F., Yusoff, M. D. & Karim, A. A. (2015). Pemilihan Aplikasi Teknologi sebagai Medium Perkongsian Maklumat oleh Pelajar Siswazah Universiti.
- Koole, M. L. (2009). A Model for Framing Mobile Learning. In *Mobile Learning: Transforming the Delivery of Education and Training*. 25-47.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological*
- Lai, K. W. (2011). Digital Technology and the culture of teaching and learning in higher education. *Australasian Journal of Educational Technology*, 27(8), 1263- 1275.
- Murat, C. N, Din, R. & Alias, M. H. (2020). Kesiediaan pelajar tingkatan 6 menggunakan aplikasi mudah alih pendidikan. *Journal of Personalized Learning*, 3(1): 79-86.
- Mohamed, M. & Mohamed, M. (2020). Jenis Personaliti dan Tahap Kesihatan Mental dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (Personality Types and Levels of Mental Health among Students in Higher Education Institutions). 23. 7-17.

- Nasir, M., & Yunus, M. H. (2017). Peranan Guru Tingkatan Enam Dalam Membentuk Pelajar Terarah Kendiri Dan Meningkatkan Kemahiran Abad Ke-21. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1): 1-6
- Natia, J. A., & Al-hassan, S. (2015). Promoting teaching and learning in Ghanaian Basic Schools through ICT. *International Journal of Education and Development Using Information and Communication Technology (IJEDICT)*, 11(2), 113–125.
- Norasyikin, O., & Mohd Isa, H. (2016). Hubungan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan blended learning berdasarkan jantina dan program. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 1–9.
- Norazah Nordin, Amin Embi, Helmi Norman, Ebrahim Panah. (2017). A Historical Review Of Mobile Learning Research In Malaysia And Its Implications For Malaysia And The Asia-Pacific Region. Dlm. Murphy A., Farley H., Dyson L., Jones H. (pnyt.) *Mobile learning in higher education in the Asia-Pacific region*, hlm. 137-150. Singapore: Springer.
- Owston, R.D., D.R. Garrison, and K. Cook. (2006). Blended learning at Canadian universities. In *The handbook of blended learning: Global perspectives, local designs*, ed. C.J. Bonk and C.R. Graham, 338–50. San Francisco: Pfeiffer.
- Rhema, A. & Miliszewska, I. (2010). Towards E-Learning in Higher Education in Libya. *Issues in Informing Science and Information Technology*, 7. 423-436.
- Rusdin, N. M. & Ali, S. R. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke 21. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
- Sidek, S., & Hashim, M. (2016). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal. *Journal of ICT in Education*. 3:24-33.
- Sife, A. S., Lwoga, E. T., & Sanga, C. (2007). New technologies for teaching and learning: Challenges for higher learning institutions in developing countries. *International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology (IJEDICT)*, 3(2), 57–67.
- Shahaimi, S. & Khalid, F. (2016). Pengintegrasian Blended Learning Dalam Pembelajaran Persekitaran Maya Frog (VLEFROG).
- Taat, M. and Ariffin @ Riffin, A. (2020) “Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru”, *Malaysian Journal of Social*

- Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), pp. 13 - 23. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>.
- Talaat, A. A., Ishak, A., & Rosli, M. R. (2020). Medium Pembelajaran Sokongan: Kesediaan Pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan terhadap Penggunaan Aplikasi iHUB. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 54-67.
- Tan Choon Keong & Carol Abu. (2013). Pengaplikasian Video YouTube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013.
- Thorsen, C. (2006). *TechTactics – Technology for Teachers*. Boston: Pearson Education Inc.
- Whitelock, D. & Jelfs, A. (2003). Editorial: Journal of Educational Media Special Issue on Blended Learning, *Journal of Educational Media*, 28(2-3), 99-100.
- Trif, L. (2015). Training Models of Social Constructivism. Teaching Based On Developing a Scaffold. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 978-983.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind and society: The development of higher mental processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press
- Wahab, N. A., Muhammad, N. & Ismail, M. S. (2020). Analisis Keberkesanan Penggunaan Ict Dalam Mendepani Gelombang Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pelajar Di Negeri Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1):101-109. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.149>
- Yunus, F. A. N. (2015). *Pembangunan model Pemindahan Pembelajaran Sistem Latihan Kemahiran Malaysia Berasaskan National Occupational Skill Standard (Noss)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusuf, A. F. M., Wan Hamat, W. N. & Basir, N. K. (2019). Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (Mpu) Di Politeknik. *Journal of Social Science and Humanities*, 16(5): 1-13.
- Zhao, D., & Yang, Q. (2011). Blended Learning Model Applied In College Teacher Education Case Study On Quality Course Of “Education” In